



SENAMROBIK VERSI UUM

UUM ONLINE: Selaras dengan Konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak seramai 1300 kakitangan kampus Universiti Utara Malaysia (UUM) menyertai senamrobik versi UUM dengan menampilkan gabungan lapan muzik dari pelbagai masyarakat di negara ini.

Antara muzik yang diperdengarkan dan dijadikan muzik iringan untuk senamrobik itu ialah gabungan muzik Melayu, kaum Cina, India, Thai dan muzik dari kebudayaan Sabah dan Sarawak.

Naib Canselor, Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak, Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU), Ketua-ketua Jabatan dan kakitangan Pengurusan Pentadbiran Profesional dan Sokongan menyertai senamrobik yang dikendalikan oleh artis budaya, Jamil Mat.

Menurut Mustafa, senamrobik ini adalah aktiviti yang dapat menyihatkan kesihatan dan merapatkan hubungan antara staf.

Beliau berharap melalui program seperti ini akan memberi peluang kepada kakitangan untuk bersantai sambil mendengar amanat dan perancangan yang akan dilaksanakan oleh pihak pengurusan.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my